

SURAT IKATAN PENYERAHAN
(UNTUK BEKALAN BAHAN-BAHAN BINAAN)

SURAT IKATAN PENYERAHAN ini dibuat pada di antara suatu Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai Pejabat Berdaftarnya di (kemudian dari ini disebut ‘Penyerahak’ sebagai satu pihak dan yang mempunyai pejabat berdaftarnya beralamat di (kemudian dari ini disebut ‘Pemegang Serahak’) sebagai pihak yang satu lagi.

Bahawasnya:-

1. Penyerahak telah diberi oleh Kerajaan Malaysia (kemudian dari ini disebut “Kerajaan”) satu kontrak bernombor (kemudian dari ini disebut “kerja-kerja) bernilai (RM) (kemudian dari ini disebut “Harga Kontrak”).
2. Harga kontrak, dengan atau tanpa pelarasan sebagaimana dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak, akan dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak tertakluk kepada Penyerahak melaksanakan obligasinya dengan memuaskan seperti dinyatakan.
3. Tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak, jumlah sebanyak Ringgit: (RM) atau apa-apa juga jumlah seperti yang diperuntukkan dalam terma dan syarat-syarat kontrak iaitu jumlah wang untuk wang kos prima (prime cpst sum) dan wang peruntukan sementara (provisional sum) untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-kontraktor) dan bahan-bahan atau barang yang akan dibekalkan oleh pembekal dinamakan (nominated suppliers) hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.
4. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan atau akan dibekalkan. Tertakluk kepada persetujuan bertulis oleh Kerajaan atau wakil yang diberikuasa, Penyerahak bersetuju menyerahakkan kepada Pemegang Serahak bayaran yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.